

## Fakta Dana

Tarikh Pelancaran	28 November 2016
Kategori/ Jenis Dana	Pendapatan Tetap (Tertutup) / Pendapatan
Objektif Pelaburan	Dana ini bertujuan untuk memberi pendapatan yang teratur melalui pelaburan terutamanya dalam instrumen pendapatan.
Strategi Pelaburan	Untuk mencapai objektifnya, Pengurus merancang untuk melabur minimum 70% sehingga maksimum 99.80% daripada NAB Dana di dalam instrumen pendapatan tetap dan minimum 0.20% NAB Dana di dalam aset cair, derivatif, dan/atau produk berstruktur. Dana ini juga boleh melabur sehingga 40% daripada NAB dalam bon yang tidak dinilai atau bon yang bernilai di bawah gred pelaburan oleh Standard & Poor's, Moody's, Fitch, RAM, MARC atau agensi-agensy yang setaraf dengannya.
Profil Pelabur	Sesuai bagi pelabur yang mempunyai lingkungan pelaburan selama tiga (3) tahun dan sedia menanggung risiko yang sederhana.
Perumpukan Asset	Instrumen Pendapatan Tetap: Minimum 70% sehingga maksimum 99.80% daripada NAB Dana Aset cair, derivatif, dan/atau produk berstruktur: Baki NAB Dana
Harga Tawaran	RM1.00 (Harga Tawaran merujuk kepada harga setiap Unit)
Tempoh Tawaran	Dana ini dibuka untuk langganan dalam jangka masa yang tidak melebihi 45 hari dari Tarikh Permulaan Dana. Pengurus mungkin memendekkan Tempoh Tawaran Permulaan apabila Dana dilanggan sepenuhnya atau apabila Pengurus merasakan ia adalah untuk manfaat terbaik Pemegang Unit Dana. Pengurus kemudian akan mengeluarkan surat pernyataan kepada Pemegang Unit Dana untuk memberitahu bahawa Tempoh Tawaran Permulaan telah dipendekkan dan Tarikh Pelaburan Sebenar akan dinyatakan dalam surat pernyataan yang sama. Unit hanya akan ditawarkan untuk jualan semasa Tempoh Tawaran.
Tarikh Permulaan	Merujuk kepada tarikh di mana Unit Dana dijual buat kali pertama. Tarikh Permulaan juga merupakan Tarikh Pelancaran Dana.
Dasar Pengagihan	Bergantung pada tahap pendapatan yang dijana oleh Dana, Dana ini akan membuat pengagihan pendapatan secara tahunan.
Pelaburan Minimum	Permulaan: RM1,000    Tambahan: RM100
Penanda Aras	Kadar deposit tetap 3 tahun Malayan Banking Berhad pada Tarikh Pelaburan.
Tarikh Pelaburan	Merujuk kepada tarikh di mana pelaburan Dana pertama kali dilakukan dan ia bermula pada Hari Perniagaan berikutnya sejeurus selepas tamat Tempoh Tawaran Permulaan.
Tarikh Matang	Merujuk kepada tarikh dimana Dana ini ditamatkan secara automatik dan ia adalah tarikh, yang merupakan ulang tahun ketiga (ke-3) Tarikh Pelaburan; jika tarikh tersebut bukan merupakan Hari Perniagaan, "Tarikh Matang" adalah Hari Perniagaan pertama yang berikutnya yang merupakan ulang tahun ketiga (ke-3) Tarikh Pelaburan.
Risiko Khusus Melabur	Risiko kadar faedah; risiko kredit dan pemungkiran; risiko produk berstruktur; risiko derivatif; risiko pelaburan semula; risiko negara; risiko mata wang; risiko kawalan selia; risiko politik; risiko ketidakpadanan dan risiko penghantaran balik.
Saiz Dana Berdaya Maju	Pengurus mempunyai hak untuk tidak meneruskan Dana ini jika ia tidak mencapai saiz berdaya maju sebanyak 30 juta Unit pada akhir Tempoh Tawaran Permulaan.
Caj Jualan	3% daripada Harga Tawaran setiap Unit Dana
Yuran Pengurusan	Sehingga 0.20% setahun daripada NAB Dana
Pemegang Amanah	TMF Trustees Malaysia Berhad
Yuran Pemegang Amanah	Sehingga 0.04% setahun daripada NAB Dana (tidak termasuk yuran dan caj pemegang amanah asing).
Caj Penalti	Bergantung kepada tarikh penerimaan permohonan untuk pembelian semula, Caj Penalti adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• 3.00% daripada NAB setiap Unit bermula dari Tarikh Pelaburan sehingga ulang tahun pertama (1) Tarikh Pelaburan.</li> <li>• 2.00% daripada NAB setiap Unit bermula dari Hari Perniagaan sejeurus selepas ulang tahun pertama (1) sehingga ulang tahun kedua (ke-2) Tarikh Pelaburan.</li> <li>• 1.00% daripada NAB setiap Unit bermula dari Hari Perniagaan sejeurus selepas ulang tahun kedua (ke-2) sehingga Hari Perniagaan sejeurus sebelum ulang tahun ketiga (ke-3) Tarikh Pelaburan.</li> <li>• Pada Tarikh Matang / Tarikh Kematangan Awal - Tiada</li> </ul>
Yuran Pindahan	RM5.00 setiap pindahan
Tempoh Bertenang	Dalam tempoh enam (6) Hari Perniagaan dari tarikh penerimaan permohonan untuk membeli Unit Dana dengan Pengurus.

## KENYATAAN AMARAN

Lembaran Serlahan Produk telah disediakan untuk Affin Hwang Flexible Maturity Income Fund 6 dan pelabur mempunyai hak untuk meminta salinan tersebut.

Para pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami isi kandungan Lembaran Serlahan Produk dan Prospektus bertarikh 28 November 2016 sebelum melabur. Prospektus tersebut telah didaftarkan dan Lembaran Serlahan Produk telah diserahkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, yang tidak bertanggungjawab terhadap kandungannya. Salinan Prospektus dan Lembaran Serlahan Produk boleh didapati di pejabat jualan Affin Hwang Asset Management.

Unit hanya akan diterbitkan apabila menerima borang permohonan yang dirujuk dan disertakan bersama Prospektus dan Lembaran Serlahan Produk. Terdapat yuran dan caj yang dikenakan apabila melabur di dalam dana. Pelabur dinasihatkan supaya mempertimbangkan yuran dan caj dengan teliti sebelum melabur. Harga unit dan pengagihan yang perlu dibayar, jika ada, mungkin turun dan juga naik dan prestasi masa lalu dana tidak boleh dianggap sebagai petunjuk prestasi masa hadapan. Jika anda bercadang untuk membeli unit dana melalui pembiayaan pinjaman, anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan "Pernyataan Pendedahan Pembiayaan Pinjaman Unit Amanah" sebelum membuat keputusan meminjam untuk membeli unit.

Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau keraguan berkenaan risalah versi Bahasa Malaysia ini, risalah dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan ianya muktamad.

Affin Hwang Asset Management Bhd (429786-T)

Ground Floor, Menara Boustead, 69 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

Talian Bebas: 1800 88 7080 T: +603 2116 6000 F: +603 2116 6100 www.affinhwangam.com

# Affin Hwang Flexible Maturity Income Fund 6

## Pengurusan Aset

Outthink. Outperform.



Affin Hwang Flexible Maturity Income Fund 6 ("FlexMIF 6" atau "Dana") ialah dana pendapatan tetap tertutup yang bertujuan memberi pendapatan yang teratur melalui pelaburan, terutamanya di dalam instrumen pendapatan tetap.

# 1 Potensi Pulangan Lebih Baik berbanding dengan Kadar Deposit Tetap 3 Tahun<sup>#</sup>

Disasarkan pada 4.50% - 5.00% setahun\*

# 2 Pengagihan Pendapatan Tetap

Pengagihan pendapatan tahunan\*

# 3 Rekod Prestasi Kukuh


Tiada rekod pemungkiran<sup>^</sup>

<sup>#</sup> Kadar deposit tetap 3 tahun Malayan Banking Berhad: Laman web Maybank pada 7 November 2016.


<sup>\*</sup> Sasaran pengagihan pendapatan untuk Dana ini hanyalah anggaran dan mungkin berubah pada Tarikh Pelaburan Dana. Pengagihan pendapatan tahunan dan pulangan baki Nilai Aset Bersih (NAB) (terutamanya disebabkan oleh bon matang pada par dan/atau dijual pada harga pasaran) apabila Dana matang, tertakluk jika tiada pemungkiran pada bon asas. Potensi pulangan 4.50-5.00% dikira berdasarkan jumlah pelaburan kasar.

<sup>^</sup> Tiada rekod pemungkiran di dalam semua bon dan entiti-entiti rujukan yang dilabur oleh Affin Hwang AM untuk siri FMIF. Sumber: Affin Hwang AM pada Oktober 2016. Prestasi lampau bukanlah petunjuk untuk prestasi masa hadapan.

## Ilustrasi Potensi Pembayaran



ATAU



### Nota:

1. Ilustrasi di atas mengandaikan Tarikh Pelaburan untuk FlexMIF 6 adalah dalam bulan Disember 2016. Tarikh Pelaburan sebenar akan dimaklumkan kepada Pemegang Unit selepas Tempoh Tawaran luput.
2. \* Sasaran pengagihan pendapatan untuk Dana ini hanyalah anggaran dan mungkin berubah pada Tarikh Pelaburan Dana, bergantung kepada keadaan pasaran. Pengagihan pendapatan tahunan dan pulangan baki NAB (terutamanya disebabkan oleh bon matang pada par dan/atau dijual pada harga pasaran) apabila Dana matang, tertakluk jika tiada pemungkiran pada bon asas.
3. Kematangan Awal akan berlaku apabila:
  - a) NAB setiap Unit Dana adalah setaraf atau lebih tinggi daripada NAB Sasaran setiap Unit untuk sekurang-kurangnya 10 Hari Perniagaan berturut-turut, dan
  - b) apabila kriteria (a) dipenuhi, Pengurus berhak melaksanakan Kematangan Awal dengan mengeluarkan Penyataan Kematangan Awal kepada Pemegang Unit, pada hari perniagaan berikutnya setelah kriteria (a) dipenuhi.
4. # Tarikh Kematangan Awal mungkin jatuh pada satu tarikh, yang mana paling awal adalah pada ulang tahun pertama Tarikh Pelaburan sehingga pada tarikh, 30 hari sebelum ulang tahun ke-3 Tarikh Pelaburan. Sila rujuk Prospektus untuk Dana ini untuk maklumat penuh.
5. Sasaran NAB setiap Unit dikira menggunakan formula seperti yang dinyatakan didalam Prospektus. (Sila rujuk seksyen "Pertinent Information of the Fund" - "What is an Early Maturity" di dalam Prospektus untuk butiran lanjut).

### Sorotan

Kepelbagaian bon tempatan dan asing

Menggunakan strategi pelindung nilai untuk mengurangkan risiko mata wang\*

Proses pemilihan kredit yang ketat untuk memastikan pelaburan dilindungi sebaiknya. Di antara pertimbangan penting penerbit berdasarkan kemampuannya untuk memenuhi obligasi kewangannya adalah termasuk faktor-faktor berikut di mana penerbit dan penjamin mempunyai:

- i. Tinjauan jangka pendek industri dan perniagaan;
- ii. Kekuatan kewangan dan tahap pinjaman;
- iii. Kualiti aliran tunai dan kemeruapan;
- iv. Jangkaan aliran tunai masa hadapan dan kemampuan untuk membayar faedah dan prinsipal, dan
- v. Penilaian kredit oleh RAM, MARC, Standard & Poor's, Moody's, Fitch atau setaraf dengannya<sup>#</sup>

### Nota:

1. Sila rujuk muka surat 14 di dalam Prospektus di bawah tajuk "Fixed Income Instruments Selection Process and Criteria" untuk butiran lanjut.
2. \* Dana ini boleh menggunakan derivatif, seperti kontrak niaga hadapan tukaran asing, tukaran mata wang bersilang atau tukaran kadar faedah terutamanya bagi tujuan pelindung nilai.
3. # Tidak berkenaan dengan bon gred bukan pelaburan.